

PERANAN PARANG ILANG DALAM KEBUDAYAAN MATERIAL IBAN DI SARAWAK

(The Role of *Parang Ilang* in Iban Material Culture in Sarawak)

Abigail Jelembei Christopher Ajop¹
biegyell619@gmail.com

Noria Tugang²
tnoria@unimas.my

Adilawati Asri³
adila25784@gmail.com

Muyyar Mukresh⁴
muyyar93@gmail.com

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):³

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.^{1, 2, 3, & 4}

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Abigail Jelembei Christopher Ajop, Noria Tugang, Adilawati Asri, & Muyyar Mukresh. (2025). Peranan parang Ilang dalam kebudayaan material di Sarawak. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 18(2), 267–288. [https://doi.org/10.37052/jm.18\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/jm.18(2)no6)

Received: Peroleh:	16/3/2025	Revised: Semakan	15/7/2025	Accepted: Terima:	26/7/2025	Published online: Terbit dalam talian:	31/7/2025
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double blind peer-review process*)

Abstract

Kajian mengenai parang Ilang dikupas melalui peradaban Iban dan kebudayaan yang menjadi mercu tanda keagungan dan kegemilangan dalam menzahirkan ketamadunan mereka di Sarawak. Parang Ilang merupakan logistik tradisional yang berperanan penting dalam kebudayaan material Iban di Sarawak. Parang Ilang Iban bukan sekadar logistik pertahanan dan memburu, malah melambangkan status sosial, kepahlawanan, kekuatan, keberanian serta warisan yang diwarisi secara bergenerasi. Parang Ilang juga menjadi citra identiti budaya Iban dalam

bentuk intelektual dan aspirasi melalui naluri kehidupan. Walau bagaimanapun, pelbagai faktor telah mengubah corak kebudayaan Iban semasa era kolonialisme. Tambahan pula, pembangunan moden serta arus globalisasi memperlihatkan ketidakupayaan masyarakat Iban kini untuk memahami asal usul parang Ilang dan peranannya dalam kebudayaan material di Sarawak. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan parang dalam kebudayaan material Iban di Sarawak yang merangkumi aspek peralatan perang, adat lama, perubatan tradisional serta warisan dan pusaka Iban. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk etnografi yang didasari oleh kajian kerja lapangan melalui kaedah pemerhatian biasa, pemerhatian turut serta dan temu bual dengan informan melalui triangulasi. Kajian ini mengaplikasikan teori oleh Fleming (1974) dalam menganalisis data. Hasil kajian mendapati bahawa peranan parang Ilang dalam kebudayaan material Iban masih kekal relevan untuk dipraktikkan sehingga kini. Kesimpulannya, peranan parang Ilang penting untuk dihayati secara bersama agar generasi muda dalam lebih mengenali dan memahami perjuangan hidup nenek moyang mereka terdahulu sebelum wujudnya pemodenan yang dikecapi pada hari ini.

Kata kunci: Parang Ilang, peranan, Iban, kebudayaan material, Sarawak, warisan budaya

Abstrak

This study explores the parang Ilang through the lens of Iban civilisation and culture, highlighting its significance as a symbol of their historical grandeur and civilisational achievement in Sarawak. The parang Ilang is a traditional tool of logistics that plays a crucial role in Iban material culture in Sarawak. Beyond being a tool for defence and hunting, the Iban parang Ilang symbolises social status, heroism, strength, courage, and heritage passed down through generations. It also serves as a cultural identity marker, reflecting intellectual values and aspirations that are deeply rooted in everyday life. However, various factors have altered the cultural patterns of the Iban during the colonial era. Additionally, modernisation and globalisation have weakened contemporary Iban society's ability to comprehend the origins and significance of the parang ilang within their material culture. In light of this, the present study aims to analyse the role of the parang Ilang within the Iban material culture, encompassing its use in warfare, traditional rituals, traditional healing practices, and as a legacy and heirloom. The research employs a qualitative ethnographic methodology grounded in fieldwork, utilising participant and non-participant observations as well as triangulated interviews with informants. Fleming's theory (1974) is applied to data analysis. The findings reveal that the parang Ilang retains relevance and continues to be practised within contemporary Iban material

culture. Ultimately, this study highlights the importance of appreciating the role of parang Ilang, thereby enabling younger generations to better recognise and understand the struggles and cultural heritage of their ancestors before the advent of modernity.

Keywords: Role, Parang Ilang, Iban, material culture, Sarawak, culture heritage

PENDAHULUAN

Kebudayaan material merupakan istilah daripada bidang keilmuan yang melibatkan arkeologi dan etnologi (Rockliffe et al., 2020). Istilah tersebut lazimnya digunakan dalam kajian kebendaan yang wujud dalam seni dan budaya sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini, pendekatan terhadap kajian kebendaan yang berfokuskan kepada material budaya telah diperluas dalam pelbagai bidang termasuklah kebudayaan, barangan antik serta kesenian. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang tersebut mempunyai kaitan dengan warisan dan identiti sesebuah masyarakat (Prown, 1982; Keai et al., 2021). Rockliffe et al., (2020) menyatakan bahawa bidang kajian terhadap material budaya telah wujud dalam ilmu antropologi pada abad ke-20. Tambahan pula, kebudayaan material membentuk suatu kerja lapangan berasaskan ilmu etnologi dan hasil daripada perkembangan ilmu arkeologi yang berkaitan dengan material budaya.

Berdasarkan pandangan Faridah Sahari et al. (2020), kajian terhadap budaya material merujuk objek buatan manusia yang didasari oleh amalan dan budaya yang dipraktikkan. Menurut kajian tersebut, adalah menjadi tanggungjawab oleh kelompok masyarakat tersebut untuk memelihara budaya mereka, dan bukannya bergantung harap kepada masyarakat luar. Kader (2003) menyatakan bahawa masyarakat tempatan telah diarahkan oleh golongan ketua pemerintah bagi menyimpan dan mendokumentasikan budaya mereka sejak era penjajahan lagi dengan merujuk ideologi Barat semasa sejak zaman Renaissance, Baroque dan Rococo. Mereka melestarikan dan mendokumentasikan warisan budaya dalam pelbagai bentuk pemeliharaan atau pemuliharaan terhadap barangan antik, budaya visual, sejarah seni, ikonologi dan ikonografi. Noria Tugang et al. (2022) menyatakan bahawa keterlibatan masyarakat peribumi asal dalam mendokumentasi dan mengatur semula objek budaya adalah sangat signifikan dalam mengekalkan keutuhan jati diri dan identiti yang kuat di samping dapat dikembangkan dari semasa ke semasa dalam generasi mereka.

Kebudayaan material Iban dapat diklasifikasikan kepada dua kategori, iaitu warisan dan pusaka (Keai, 2021). Kategori ini dilihat berdasarkan kepada pembuatan

dan perolehan terhadap sesuatu material budaya (Keai, 2021). Istilah warisan dalam kategori kebudayaan Iban merujuk warisan, termasuklah objek yang dikongsi dan dimiliki secara bersama-sama dalam kehidupan dan diwarisi secara kearifan tradisi daripada aspek penciptaan, ideologi dan signifikannya. Sementara, istilah pusaka pula merujuk suatu harta pemilikan sendiri atau tunggal dan sumbernya diperolehi daripada kegiatan ekonomi dan perdagangan, seperti sistem jual beli, upah, sistem pertukaran barang atau pembayaran denda am (Keai, 2022). Tambahan pula, material budaya yang digolongkan dalam istilah pusaka lazimnya diwarisi dalam garis keturunannya sahaja dan dianggap mempunyai nilai materialistik yang tinggi dan signifikan alam sesebuah keluarga (Adilawati Asri, 2024).

Parang Ilang merupakan satu daripada simbol terpenting dalam kebudayaan material Borneo Iban iaitu sebagai senjata tradisional yang ikonik dalam masyarakat Iban di Sarawak. Selain itu, pemilikan parang Ilang juga merupakan simbolik kepada kepahlawanan, kekuatan, kekebalan dan status sosial dalam hierarki di rumah panjang Iban. Menurut Adilawati Asri (2024), parang Ilang bukan sahaja digunakan sebagai alat pertahanan dan perburuan, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pengamalan spiritual, adat istiadat dan warisan kebudayaan material Iban. Dalam konteks kebudayaan material Borneo, parang Ilang bukan sekadar objek fizikal, tetapi juga sebagai manifestasi identiti, martabat dan tradisi Iban. Namun begitu, pembangunan moden serta arus globalisasi yang melanda kehidupan masyarakat Iban memperlihatkan ketidakupayaan untuk memahami peranan parang Ilang dalam kebudayaan material Borneo di Sarawak dan seterusnya menyebabkan berlakunya kemunduran terhadap objek tersebut (Keai, 2023). Oleh itu, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis asal usul parang Ilang dan peranannya dalam kebudayaan material Iban di Sarawak yang merangkumi aspek peralatan perang, adat lama, perubahan tradisional serta warisan dan pusaka Iban. Kajian terhadap parang Ilang ini memberikan pandangan yang mendalam tentang kepentingannya dalam kehidupan sosial dan kebudayaan material Iban di Sarawak.

Parang Ilang Iban

Dalam ekspedisi tradisi Ngayau bagi masyarakat Iban di Sarawak, parang Ilang digunakan untuk memenggal kepala pihak musuh pada suatu ketika dahulu (Keai, 2021). Oleh itu, masyarakat Iban di Sarawak sangat menghormati parang Ilang kerana melambangkan keberanian mereka terhadap pihak musuh di medan peperangan. Selain itu, terdapat juga parang Ilang yang diikat dengan rambut manusia yang telah dipenggal. Bagi golongan pahlawan, setiap helaian rambut tersebut adalah bertujuan

menandakan jumlah bilangan kepala yang dipenggal dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*. Dalam budaya Iban, parang Ilang mempunyai bahagian-bahagian tertentu. Struktur parang Ilang adalah merangkumi bahagian hulu, sarung dan bilah parang tersebut. Bagi bahagian hulu parang Ilang, pembuatnya menggunakan material kayu yang berkualiti. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk membentuk bahagian hulu parang Ilang, maka memerlukan kepada penggunaan material kayu yang berkualiti. Dalam budaya Iban, parang Ilang yang dihasilkan juga mempunyai ukiran dan hiasan tersendiri di bahagian hulu, iaitu menggambarkan keperibadian seseorang pemiliknya. Penciptaan parang Ilang ini mempunyai ukuran antara 70 sentimeter hingga 80 sentimeter dengan bahagian hujung parang agak runcing dan lebar di antara enam hingga tujuh sentimeter. Bahagian lebar pangkal pula antara tiga hingga empat sentimeter. Sementara, untuk bahagian belakang parang pula diperbuat daripada logam tembaga yang akan menyinar warna kuning keemasan. Oleh itu, parang Ilang diharap akan utuh dipegang oleh masyarakat Iban di Sarawak kerana merupakan senjata warisan yang mencerminkan identiti Iban di Sarawak (Adilawati Asri, 2024).

Menurut Adilawati Asri (2024) lagi, kearifan tradisi terhadap parang Ilang sebagai suatu khazanah primitif dalam budaya masyarakat Iban perlu dipelihara dan dilestarikan. Kelestarian terhadap kearifan tradisi pada parang Ilang adalah penting dan dilakukan secara tradisional bagi mengekalkan keaslian budaya dalam masyarakat Iban. Tambahan pula, kelestarian terhadap kearifan tradisi pada parang Ilang adalah dianggap sakral terutamanya apabila pernah mempunyai sejarah “pemenggal kepala pihak musuh”. Oleh itu, bagi mengelakkan pemiliknya daripada terkena “gangguan peminta”, maka parang Ilang tersebut perlu diberikan persembahan sajian makanan khas atau *Piring* pada setiap tahun.

KAJIAN LEPAS

Kebudayaan Material Borneo

Keai (2023) menjelaskan bahawa kebudayaan material Iban di Sarawak dapat dikategorikan kepada sakral dan bukan sakral. Kebudayaan material bukan sakral merujuk objek yang digunakan dalam kehidupan seharian dan tidak mempunyai unsur-unsur spiritual. Lazimnya, material bukan sakral digunakan dalam kegiatan seharian seperti pemburuan, pertanian, menangkap ikan dan mengumpul hasil-hasil hutan. Namun begitu, terdapat beberapa objek dalam kebudayaan material bukan sakral yang turut digunakan dalam kegiatan spiritual. Kebudayaan material sakral Iban pula merujuk objek yang digunakan dalam kegiatan spiritual. Tambahan pula, setiap objek dalam kebudayaan material Iban dalam bentuk sakral mempunyai jalan

cerita dan pantang larang tertentu bagi memelihara nilai kesakralannya dalam amalan kepercayaan mereka (Adilawati Asri, 2024).

Menurut Sellato (2017), kajian tentang kebudayaan material dalam bidang kesusasteraan di Borneo telah ditulis oleh penyelidik dari Barat melalui naratif sejak dari tahun 1848. Kajian ini diterajui oleh Maaryat, Schwaner pada tahun 1853 sehingga 1854, Veth tahun 1854 sehingga 1856, St. John pada tahun 1862, Perelaer tahun 1870, dan Whitehead tahun 1904. Sumber maklumat mengenai budaya material telah direkodkan dalam penulisan mereka dalam bentuk format naratif tanpa menyentuh penelitian yang khusus tentang sifat dan estetika objek. Berdasarkan kajian-kajian Barat tersebut, dapat dinyatakan bahawa kajian kebudayaan material banyak diterjemahkan dalam bidang kesusasteraan. Pada zaman tersebut, kebudayaan material oleh sesebuah masyarakat primitif hanya mementingkan keperluan rohani dan jasmani mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap objek dalam kebudayaan material mempunyai jalan cerita tersendiri yang merangkumi aspek asal usul, tujuan penciptaan dan perkaitannya dengan amalan kepercayaan kuno. Tambahan pula, kebudayaan material mula dikembangkan seiring dengan keperluan oleh sesebuah masyarakat primitif. Menurut King (2012), pada abad ke-20, barulah wujud keperluan terhadap melakukan pendokumentasian yang komprehensif dan secara terperinci mengenai warisan budaya asli yang terdapat di Sarawak.

Postill (2017) menyatakan bahawa objek-objek yang wujud di Kepulauan Borneo lebih memfokuskan estetika dan berkaitan dengan pengamalan ritual adat istiadat peribumi tanpa melihat objek budaya tersebut yang digunakan dalam kehidupan seharian. Budaya material yang wujud dalam identiti masyarakat Dayak dikatakan mempunyai jalan cerita yang besar ertinya dan jarang dilihat kerana proses penciptaan yang agak rumit dan penuh dengan amalan kepercayaan dan pantang larang yang perlu dipatuhi. Tambahan pula, Sellato (2016) menyatakan bahawa penyelidikan mengenai budaya material masyarakat peribumi perlu dijalankan kerana memberikan sumbangan yang besar dalam meluaskan pengetahuan mengenai budaya material di Kepulauan Borneo.

Heppell (2014) dalam Sellato (2019), menyatakan bahawa ukiran pada material kayu yang mempunyai sifat keras, seperti Tebelian atau digelar sebagai Borneo Ironwood, mempunyai status yang tertentu dalam budaya material masyarakat peribumi di Kepulauan Borneo. Nilai dan keupayaan kayu tersebut dalam jangka hayat yang lama dalam persekitaran masyarakat di Kepulauan Borneo telah menarik minat para usahawan dan pengumpul seni primitif terhadap patung dan ukiran-ukiran Borneo. Lazimnya, saiz ukiran patung-patung yang besar dan megah dianggap

sebagai sebuah hasil seni yang sangat eksotik terhadap mencerminkan kebudayaan masyarakat peribumi Borneo, terutamanya apabila mereka mengaitkan seni ukiran sangat dekat dengan amalan kepercayaan tradisi dan alam kehidupan selepas kematian. Budaya material yang berasaskan ukiran, seperti topeng yang diukir sebagai sebuah logistik perang juga digunakan dalam amalan perubatan tradisional di samping menjadi sesuatu yang sangat popular dalam pasaran seni objek budaya dalam kalangan masyarakat peribumi di Borneo (Guerreiro, 2011).

King (2012) membuat penelitian terhadap konsep budaya dan identiti yang dikatakan saling berkait rapat dalam budaya masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana konsep budaya dapat dilihat melalui keupayaan masyarakat dalam memperjuangkan sesuatu perkara tentang kebudayaan mereka, maka budaya material yang dihasilkan adalah sebagai suatu petunjuk dan bukti secara visual dalam hubungan etnokultur (identiti masyarakat). Budaya material yang dihasilkan dalam kehidupan masyarakat adalah untuk memenuhi keperluan kehidupan seharian mereka agar lebih praktikal. Selain itu, King (2017), juga menyatakan bahawa fungsi budaya material dalam sesebuah masyarakat adalah meliputi aspek sosial, ekonomi, politik dan keagamaan. Tambahan pula, sesebuah masyarakat juga terlibat secara langsung dalam melakukan perkongsian dan penggunaan budaya material bagi memperlihatkan citra budaya mereka di khalayak umum. Keperluan objek budaya dalam etnokultural masyarakat peribumi dianggap sebagai “pemain utama” dalam kegiatan upacara dan ritual yang menggabungkan konsep kepercayaan dan kosmologi mereka untuk dijadikan identiti dan jati diri.

Berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai kebudayaan material Borneo, kebanyakan pengkaji menyatakan tentang pemeliharaan dalam konteks warisan budaya dan penciptaannya dalam budaya kaum tersebut. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kajian tentang parang Ilang dan mengisi kelompangan dalam konteks peranannya dalam kebudayaan material Iban di Sarawak.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian etnografi yang memfokuskan peranan parang Ilang dalam kebudayaan material Borneo Iban di Sarawak. Bagi Kamarul Azmi Jasmi *et al.*, (2024), kajian etnografi yang menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pemerhatian biasa, pemerhatian turut serta dan temu bual mendalam terhadap sesebuah kelompok manusia adalah bertujuan untuk memahami secara lebih terperinci mengenai cara hidup, amalan kepercayaan serta nilai-nilai mereka. Pendekatan kualitatif sangat

mementingkan konsistensi dalam proses pengumpulan data yang dijalankan secara sistematik kerana kajian kualitatif lebih banyak menerangkan langkah, proses dan asbab sesuatu peristiwa itu berlaku (Hafizzhal Bukhary Borhan & Nur Aira Abd Rahim, 2024). Menurut Kamarul Azmi Jasmi *et al.* (2024) pula, pendekatan kualitatif merupakan kajian yang membentangkan dan menganalisis fenomena, peristiwa, aktiviti sosial, persepsi pemikiran individu mahupun kelompok.

Pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan kajian kerja lapangan yang merangkumi aspek pemerhatian biasa, pemerhatian turut serta dan temu bual melalui kaedah triangulasi data. Menurut Kamarul Azmi Jasmi *et al.* (2012), kaedah pemerhatian biasa dan pemerhatian turut serta berasal daripada ilmu antropologi, iaitu kajian tentang kehidupan masyarakat di sesebuah kawasan penempatan. Menurut Moleong (2006), penggunaan kaedah pemerhatian biasa dan pemerhatian turut serta adalah bertujuan untuk membantu penyelidik bagi melihat, merasai pengalaman, memberikan maksud tentang dunia serta ragam fenomena dan gejala sosial dalamnya. Hal ini dilakukan dengan melihat, merasakan, memberikan maksud tentang subjek kajian yang berupaya membentuk pengetahuan secara bersama-sama antara penyelidik dengan subjek kajiannya (Moleong, 2006).

Penyelidik melakukan kajian kerja lapangan di kawasan rumah-rumah panjang masyarakat Iban di bahagian Sri Aman, Sarikei, Kapit, Miri, Sibu dan Saratok yang telah dipilih sebagai lokasi kajian. Pemilihan lokasi kajian tersebut adalah berdasarkan kepada cadangan individu informan yang telah ditemu bual. Tambahan pula, informan dalam kajian ini merupakan generasi tua yang mendiami rumah panjang tradisional sepanjang lokasi kajian ini. Tempoh masa kajian kerja lapangan ini dijalankan adalah selama empat bulan, iaitu September hingga Disember 2024.

Pemerhatian Biasa

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian biasa bagi meninjau, memerhati, meneliti dan melihat sendiri peranan parang Ilang dalam kebudayaan material Iban di kawasan rumah panjang. Selain itu, pemerhatian ini juga banyak membantu penyelidik dalam memahami corak kehidupan dan budaya masyarakat Iban di sekitar kawasan rumah panjang mereka. Bagi Malterud (2001), pemerhatian biasa sangat penting bagi penyelidik sebagai pratanggapan pertama sebelum disusuli dengan kaedah lain bagi mendapatkan sumber data kajian. Melalui kaedah pemerhatian biasa, penyelidik berupaya menemukan golongan informan yang pakar dalam bidang yang dikaji. Menurut Creswell (2014), kaedah pemerhatian biasa secara tidak langsung akan mewujudkan fenomena triangulasi data. Hal ini dikatakan

demikian kerana triangulasi data merupakan strategi dalam kajian yang melibatkan pelbagai kaedah pengumpulan data untuk mengkaji sesuatu fenomena yang sama. Kamarul Azmi Jasmi *et al.*, (2024) menyatakan bahawa tujuan triangulasi data adalah untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif. Hal ini demikian dikatakan kerana penyelidik menggunakan pelbagai sumber data untuk mengesahkan hasil kajian melalui penggunaan kaedah pemerhatian biasa, pemerhatian turut serta dan temu bual bagi mengumpul data tentang fenomena yang sama. Oleh itu, satu daripada kaedah untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kajian ini adalah melalui triangulasi data.

Pemerhatian Turut Serta

Kaedah pemerhatian turut serta dalam kajian ini yang digunakan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk membantu penyelidik untuk memahami peranan parang Ilang dalam konteks kebudayaan material Borneo Iban di Sarawak. Tambahan pula, kaedah pemerhatian turut serta dilakukan di persekitaran rumah panjang informan di sesebuah lokasi kajian yang telah dipilih. Kaedah pemerhatian turut serta digunakan dalam kajian ini adalah bertujuan bagi memahami sesuatu fenomena dengan lebih mendalam bersama masyarakat Iban. Menurut Creswell (2014), kaedah pemerhatian turut serta sangat penting bagi seseorang penyelidik terhadap memahami dan menjiwai sesuatu fenomena atau perkara yang dikaji. Tambahan pula, kaedah tersebut juga berupaya membawa penyelidik lebih dekat dengan perkara yang dikaji serta berupaya untuk memahaminya dengan lebih terperinci. Justeru, penyelidik berupaya melihat dengan lebih dekat mengenai peranan parang Ilang dalam kebudayaan material Iban di Sarawak.

Temu Bual

Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih kelompok masyarakat Iban di lokasi tertentu dan pensampelan data adalah secara rawak, iaitu pemilihan informan adalah didasari oleh kaedah triangulasi data. Semasa menemubual informan, lazimnya mereka memberikan cadangan lokasi untuk bertemu dengan informan yang berikutnya. Pemilihan informan juga adalah berdasarkan kepada bidang kepakaran dalam kebudayaan material Iban Borneo di Sarawak. Senarai informan yang ditemu bual yang terdiri daripada 10 orang mempunyai kepakaran tentang peranan parang Ilang Iban dan dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Senarai informan dan kepakaran.

Senarai Informan Kajian	Kepakaran
Informan 1 88 Tahun, Saratok	Tokoh politik dan budaya Iban
Informan 2 51 Tahun, Sri Aman	Tukang <i>Kamboh</i> parang Iban atau tukang pembuat parang
Informan 3 60, Sibu	Tukang <i>Kamboh</i> parang Iban atau tukang pembuat parang
Informan 4 55, Saratok	Pakar kebudayaan material Iban
Informan 5 79, Sri Aman	Pakar budaya Iban
Informan 6 75, Kapit	<i>Lemambang</i> atau pendeta Iban serta pembuat parang Ilang
Informan 7 64, Miri	<i>Lemambang</i> atau pendeta Iban
Informan 8 68, Sarikei	Pakar budaya Iban
Informan 9 78, Sri Aman	Pakar petanda Iban
Informan 10 70, Sri Aman	<i>Indu Nengkebang Indu Muntang</i> (Wanita yang menghasilkan reka bentuk sendiri dalam komuniti penenun)

Kajian ini menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian yang berpaksikan kepada kaedah bola salji (*Snowball Sampling*) bagi mendapatkan informan. Menurut Creswell (2014), pensampelan bola salji ialah teknik persampelan bukan kebarangkalian di mana penyelidik bermula dengan beberapa individu yang memenuhi kriteria kajian dan kemudian meminta mereka untuk merujuk individu lain yang juga memenuhi kriteria tersebut. Kriteria tersebut merujuk bidang kepakaran dalam kajian yang dijalankan. Selain itu, pemilihan informan tersebut dalam kajian ini juga mempunyai peranan penting dalam berkongsi pengalaman dan sejarah mengenai sesebuah budaya kebendaan. Lazimnya, topik temu bual dimulai dengan mengenal pasti parang Ilang dan dikaitkan peranannya dalam kebudayaan material Iban di Sarawak.

Kaedah temu bual dalam kajian ini menggunakan soalan separa berstruktur. Hal ini kerana semua informan yang telah ditemu bual adalah terdiri daripada

generasi tua yang masih tinggal di rumah panjang. Tambahan pula, tujuan soalan separa berstruktur yang dilakukan semasa sesi temu bual adalah bagi mengelakkan informan daripada perasaan gementar atau kurang selesa. Antara aspek dalam temu bual termasuklah peranan parang Ilang dalam kebudayaan material Borneo Iban di Sarawak, peranan dalam peperangan, peranan dalam adat istiadat kaum Iban, peranan dalam perubatan dan juga pembuatan rumah.

Berdasarkan kepada semua perolehan data kajian melalui pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian biasa, pemerhatian turut serta dan temu bual, maka penyelidik menggunakan teori oleh Fleming (1974) dalam Pearce (2017). Dalam teori ini, ia cukup komprehensif kerana mempunyai dua elemen, iaitu analisis secara menyeluruh tentang sifat objek dan menganalisis kedudukannya di dalam konteks kebudayaan sesebuah masyarakat. Selain itu, model ini juga merangkumi pemahaman objek daripada perspektif budaya pemerhati itu sendiri. Tambahan pula, teori ini bertujuan bagi menjelaskan secara terperinci mengenai sesuatu kebudayaan material yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Fleming mengemukakan dua elemen utama, iaitu sifat objek yang didasari kepada lima asas utama yang merangkumi sejarah (*history*), material penciptaan (*material*), teknologi penciptaan (*construction*), reka bentuk (*design*) dan fungsi (*function*). manakala, pengoperasian pula adalah merangkumi pengenalanpastian (*identification*), penilaian (*evaluation*), analisis budaya (*cultural analysis*) dan interpretasi (*interpretation*).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Peranan Parang Ilang dalam Kebudayaan Material Borneo Iban di Sarawak

Menurut informan 2, parang merupakan sejenis pisau besar serta tajam yang kebiasaannya digunakan oleh masyarakat Iban 2. Mereka menggunakan parang bagi melakukan kegiatan harian seperti memburu binatang, menebas rumput di kawasan penempatan, membuka penempatan baru, pertanian, menangkap ikan serta memotong kayu hutan. Bagi masyarakat Iban, mereka menggunakan parang biasa atau parang penebas bagi melakukan kegiatan tersebut. Berdasarkan penerangan oleh informan 2, ciri-ciri parang Ilang terdahulu bersifat ringkas dan melibatkan penciptaan yang tidak rumit, pembuatan yang agak kasar, tidak rata dan tidak mempunyai keindahan yang tersendiri.

Menurut Noria Tugang dan Keai (2022), parang Ilang yang diciptakan terdahulu menggunakan material daripada alam semula jadi yang terdapat di kawasan penempatan masyarakat Iban. Bagi informan 1, penciptaandan pembuatan parang Ilang adalah bergantung kepada keperluan dan peranannya dalam budaya Iban.

Peranan Parang Ilang sebagai Warisan dan Pusaka Iban

Menurut informan 7, masyarakat Iban yang mendiami Sarawak sangat kaya dengan pelbagai warisan dan budaya yang diwarisi sejak zaman-berzaman oleh nenek moyang mereka terdahulu. Dalam kebudayaan Iban, terdapat dua aspek, iaitu warisan dan pusaka. Setiap satunya adalah berbeza dan mempunyai nilai dan signifikan yang penting dalam budaya masyarakat Iban sehingga hari ini. Menurut informan 1, aspek warisan Iban merujuk suatu kemahiran tradisi dan amalan kepercayaan warisan oleh masyarakat Iban terhadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa, manakala aspek pusaka Iban pula adalah lebih cenderung kepada pemilikan secara tunggal oleh seseorang individu dalam kalangan masyarakat Iban dan bersifat materialistik.

Parang Ilang dalam aspek warisan lazimnya mempunyai perkaitan dengan kewujudan kuasa luar biasa, iaitu digunakan sebagai satu daripada objek penyembahan. Menurut Keai (2020), parang Ilang yang dijadikan sebagai objek sakral sememangnya mewakili simbol identiti masyarakat Iban dalam kegiatan penyembahan kuasa luar biasa. Berdasarkan kebudayaan masyarakat Iban sebagaimana yang diterangkan oleh informan 10, mereka mempunyai harta-harta keturunan yang dapat diistilahkan sebagai pusaka Iban turun-temurun. Pada zaman dahulu, harta-harta yang disimpan oleh generasi terdahulu diperoleh daripada rampasan perang, ekspedisi tradisi *Ngayau* (pemburuan kepala manusia), adat *Bejalai* (pengembaraan), upah, pembelian, pertukaran barang serta pemberian tertentu. Pusaka Iban dalam bahasa Iban disebut sebagai Reta *Tengkira*. Menurut informan 8, dalam konteks Iban, istilah pusaka Iban pula lebih cenderung kepada pemilikan tunggal terhadap harta benda yang dikumpulkan secara individu dan diwariskan kepada anak cucunya sahaja. Informan 6 pula menyatakan bahawa parang Ilang yang menjadi harta pusaka Iban diperoleh melalui cara-cara tertentu. Lazimnya, parang Ilang yang menjadi pusaka Iban adalah dikatakan sangat mahal dan hanya dimiliki oleh individu tertentu sahaja dalam kalangan masyarakat Iban. Hal ini dikatakan demikian kerana parang Ilang dapat menggambarkan simbol dan status sosial individu dalam masyarakat Iban. Sehubungan dengan itu, parang Ilang sangat penting sebagai objek sakral dalam budaya Iban dan juga melambangkan status hidup seseorang.

Peranan Parang Ilang sebagai Peralatan Perang Iban

Parang Ilang merupakan simbol dan ikon kekuatan serta identiti diri masyarakat Iban pada zaman dahulu sehingga sekarang. Informan 5 turut menyatakan bahawa parang Ilang ini adalah sebahagian daripada koleksi pusaka dalam budaya masyarakat Iban. Keunggulan parang Ilang dapat dilihat dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*, iaitu objek yang digunakan bagi memenggal kepala pihak musuh.

Melalui temu bual bersama informan 7, beliau menyatakan bahawa masyarakat Iban sememangnya sangat terkenal dengan sifat kepahlawanan yang tinggi melalui ekspedisi tradisi *Ngayau* sebagai simbol kuasa dan ikon keberanian. Ekspedisi tradisi *Ngayau* sangat sinonim dengan golongan lelaki Iban. Individu yang mempunyai teknik peperangan yang efektif akan dilantik menjadi ketua, disanjung dan digeruni oleh masyarakat Iban yang lain. Berdasarkan tradisi lisan generasi Iban terdahulu, tujuan mereka berperang adalah untuk mendapatkan harta kekayaan dan status sosial, iaitu berdasarkan jumlah kepala musuh yang diperoleh semasa ekspedisi tradisi *Ngayau*. Hal ini disokong oleh Keai (2021) yang menyatakan bahawa ekspedisi tradisi *Ngayau* adalah signifikan untuk melatih keberanian hati dan ketangkasan fizikal individu lelaki terhadap menghadapi ancaman musuh.

Masyarakat Iban terdahulu mempunyai cara tersendiri bagi melindungi diri daripada ancaman dan serangan pihak musuh serta binatang buas. Informan 8 memaklumkan bahawa parang Ilang merupakan satu daripada peralatan perang yang bukan sahaja digunakan oleh pahlawan Rentap, malah digunakan oleh masyarakat Iban dan juga golongan *Bujang Berani* dalam ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti pemburuan kepala. Parang Ilang digunakan oleh golongan *Bujang Berani* untuk menetak dan menikam pihak musuh yang menyerang mereka secara mengejut. Sekiranya ditikam oleh parang Ilang, parang tersebut akan menusuk ke dalam anggota badan pihak musuh dan boleh mendatangkan kecederaan yang berat serta boleh membawa maut serta merta. Menurut informan 1, dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*, lazimnya golongan pahlawan Iban akan membawa parang Ilang dan perisai atau *Terabai* sebagai alat pertempuran dan perlindungan apabila diserang musuh. Tambahan pula, ekspedisi tradisi *Ngayau* juga menjadi satu teknik peluasan kuasa semasa masyarakat Iban menjalani kehidupan secara nomad. Parang Ilang sentiasa disipkan di bahagian pinggang individu apabila keluar dari kawasan rumah panjang dan kelompok mereka.

Menurut informan 4, dalam budaya masyarakat Iban, ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti memburu kepala adalah merupakan adat lama yang diamalkan sejak zaman dahulu sehingga ditamatkan pada era pemerintahan oleh Rajah Brooke pada tahun 1839 di Sarawak. Tindakan Rajah Brooke terhadap menamatkan ekspedisi tradisi *Ngayau* telah menyebabkan wujudnya pelbagai reaksi daripada masyarakat Iban di Sarawak pada ketika itu. Hal ini dikatakan demikian kerana secara tidak langsung telah mengubah selok belok kebudayaan serta amalan kepercayaan warisan yang melibatkan aspek sosial, ekonomi dan politik mereka.

Informan 9 dan informan 10 menyatakan bahawa parang Ilang ini berasal daripada keturunan nenek moyang dalam masyarakat Iban pada zaman dahulu. Akan tetapi, asal usul parang Ilang di dalam budaya Iban kurang diketahui sepenuhnya. Parang Ilang juga dikatakan memperoleh namanya melalui ekspedisi tradisi *Ngayau*

atau aktiviti pemburuan kepala pihak musuh, iaitu kepala dipenggal dan Ilang (hilang) daripada anggota badan manusia. Menurut informan 6, dalam budaya Iban, ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti pemburuan kepala pihak musuh berlaku atas faktor tekanan serta kekerasan oleh masyarakat Kantu yang dikatakan mengganggu dan menyerang golongan wanita Iban. Selain itu, dikatakan bahawa mereka juga telah membuat serangan di kawasan penempatan rumah panjang masyarakat Iban pada waktu malam dengan menggunakan buluh runcing dari bahagian bawah. Informan 1 menyatakan bahawa tindakan masyarakat Kantu yang telah melakukan serangan *Kayau* terhadap masyarakat Iban adalah didasari oleh tujuan dendam. Hal ini adalah bertujuan sebagai serangan balas kepada seorang pahlawan Iban yang bernama *Serapuh* yang telah memenggal kepala anak masyarakat Kantu. Oleh itu, masyarakat Kantu membalas dendam dengan melakukan serangan di rumah panjang masyarakat Iban lain. Pengalaman tersebut telah membuatkan masyarakat Iban mempelajari strategi serang hendap yang digunakan oleh pihak musuh bagi melindungi diri mereka. Kemahiran tersebut dipraktikkan dalam budaya mereka sehingga ditamatkan dalam era penjajahan Barat.

Golongan pahlawan akan disanjung dan dihormati atas keperwiraan mengalahkan pihak musuh di samping dianugerahkan hierarki status sosial yang tinggi. Tambahan pula, parang Ilang yang pernah *Bedengah* atau memakan nyawa manusia akan dikatakan *Berantu* kerana roh pemilik asalnya dikatakan bersatu dengan objek tersebut. Sehubungan dengan itu, bagi parang Ilang yang pernah *Bedengah*, maka pemilikannya adalah hanya kepada generasi yang mempunyai pertalian darah sahaja yang dibenarkan untuk menjaga dan menyimpannya. Hal ini dikatakan demikian kerana jika terdapat individu yang tidak mempunyai pertalian darah untuk menjaga dan menyimpan parang Ilang tersebut, maka dikhuatiri akan ditimpa nasib yang kurang baik sepanjang hidup. Satu daripada kepercayaan dalam kalangan masyarakat Iban ialah parang Ilang yang pernah digunakan untuk *bedengah* dan pemiliknya yang telah “basah jari” (berpengalaman) adalah dianggap bertuah ataupun keramat. Hal ini secara tidak langsung meletakkan pemilik parang Ilang pada hierarki status sosial yang tinggi dalam kalangan masyarakat Iban.

Menurut informan 1, ekspedisi tradisi *Ngayau* dalam budaya masyarakat Iban memperlihatkan suatu gambaran yang jelas tentang aspek keperwiraan, ikon keberanian, kebanggaan, kekuatan serta pengaruh status sosial tertentu. Walaupun parang Ilang ini pernah digunakan dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*, tetapi kini kebanyakan daripada masyarakat Iban menjadikan parang Ilang sebagai seni perhiasan mengikut cita rasa dan disesuaikan dengan gaya hidup oleh mereka sendiri.

Kebanyakan keluarga Iban yang tinggal di rumah panjang banyak menyimpan parang Ilang sebagai simbol, ikon dan identiti serta sebagai pusaka mereka. Seperti mana yang diterangkan oleh informan 1, pada zaman dahulu, bahagian lubang pada hulu pemegang parang Ilang lazimnya digunakan bagi menggantung rambut pihak musuh yang telah dipenggal, namun ada zaman sekarang, tukang kambuh (gelaran untuk pembuat parang Ilang) menggunakan helaian rambut palsu atau helaian bulu-bulu lain untuk dijadikan seni perhiasan.

Peranan Parang Ilang dalam Adat Lama Iban

Bagi parang Ilang yang biasa atau tidak pernah digunakan dalam ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti pemburuan kepala, objek tersebut tetap memainkan peranan penting sebagai satu daripada peralatan utama dalam upacara, adat istiadat dan ritual masyarakat Iban. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam setiap adat istiadat kebudayaan tradisional masyarakat Iban, tiga objek utama akan dipaparkan, iaitu *Pua Kumbu*, parang Ilang dan *Tajau* yang memainkan peranannya sebagai simbol atau lambang identiti diri masyarakat Iban terhadap *Petara* bagi mereka yang masih mengamalkan ajaran *Pengarap* Lama. Menurut informan 7, parang Ilang yang pernah digunakan dalam ekspedisi tradisi *Ngayau* akan menjadi keutamaan untuk digantung pada buluh semasa upacara *Gawai Burung*.

Menurut informan 10, segolongan masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan serta adat lama nenek moyang mereka menyatakan bahawa parang Ilang mempunyai kesaktian, kemistikan serta kekuasaan yang luar biasa dan tersendiri. Kuasa dan keajaiban parang Ilang dipercayai berpunca daripada besi dan tembaga yang digunakan oleh tukang kambuh atau pemiliknya itu sendiri. Sebagai contoh, parang Ilang yang ditatah dengan tembaga dengan nombor ganjil seperti tiga, tujuh dan sembilan adalah berbahaya. Hal ini dikatakan demikian kerana parang Ilang dipercayai boleh membunuh individu yang mengamalkan ilmu kebal manakala angka lapan atau lapan tatahan adalah digalakkan kerana nombor tersebut selalu digunakan dalam jampi dan mantera masyarakat Iban.

Menurut informan 8, walaupun ekspedisi tradisi *Ngayau* telah berakhir sejak awal abad ke-20, namun parang Ilang yang diperturunkan kepada generasi cucu cicit pemiliknya masih dianggap sebagai membawa tuah dan keramat. Hal ini terbukti kerana terdapat beberapa keluarga yang memiliki parang Ilang secara turun temurun akan memberi “makan” melalui sajian *Piring*. Ritual ini dilakukan dengan melumuri bilah parang Ilang dengan darah ayam atau babi. Acara ritual ini dilakukan bagi mengelakkan parang Ilang tersebut “marah” dan mendatangkan perkara buruk atau nasib malang kepada keluarga yang menyimpan dan memilikinya. Parang Ilang

juga merupakan sebahagian daripada pelengkap untuk pemakaian penting bagi seorang pahlawan Iban atau *Manok Sabung*. Dalam tarian *Ngajat*, parang Ilang menjadi aksesori wajib bagi penari lelaki dan dipadankan dengan pakaian tradisional pahlawan Iban dan *Terabai* atau perisai.

Selain daripada menjadi kemestian dalam pemakaian seorang pahlawan Iban, informan 3 menerangkan bahawa parang Ilang berperanan penting dalam adat lama budaya Iban, terutamanya bagi golongan yang masih tinggal di rumah panjang. Informan 1 turut menyatakan bahawa masyarakat Iban masih memerlukan parang Ilang sebagai alat pengganti atau pertukaran sama nilai dengan mata wang Ringgit. Menurut adat dalam budaya Iban, jika terdapat individu yang melakukan kesalahan di rumah panjang dan tidak dapat membayar hukuman dengan mata wang Ringgit, maka mereka akan menggunakan parang Ilang sebagai ganti. Berdasarkan kepada informan 1 juga, sekiranya terdapat seseorang individu yang membawa parang Ilang dengan mengikatnya di bahagian pinggang dan memasuki rumah panjang orang lain, maka individu tersebut perlu membuka ikatan parang Ilang daripada bahagian pinggangnya. Hal ini dikatakan demikian kerana jika tidak melakukan sedemikian, maka individu tersebut akan dianggap ingin mencari lawan atau telah mengancam keselamatan semua penghuni di rumah panjang tersebut. Tambahan pula, menerusi aspek reka bentuk sarung parang Ilang pula, sekiranya berbentuk melengkung ke atas, maka tidak digalakkan untuk dibawa ketika seseorang individu mengembara (*Bejalai*) ke tempat lain pada suatu ketika dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang individu yang menggunakan sarung parang Ilang yang berbentuk melengkung dianggap ingin “mencari lawan”.

Peranan Parang Ilang dalam Adat Memandikan Bayi (*Meri Anak Mandi*)

Menurut informan 1, di daerah Saribas dan Betong di Sarawak, parang Ilang mempunyai peranan dalam adat istiadat kelahiran bayi dalam proses upacara “memandikan anak”. Adat ini dilakukan berikutan penamaan kanak-kanak secara tradisi. Ibu bapa akan mengadakan upacara memandikan anak mereka di sungai. Sebelum adat ini dilakukan, maka kanak-kanak itu tidak dibenarkan untuk mandi di sungai. Pada malam sebelum adat memandikan bayi berlangsung, bapa kepada bayi itu perlu mengumpulkan kesemua penghuni rumah panjang. Pada awal pagi berikutnya, semua penghuni rumah panjang memulakan perjalanan untuk pergi ke sungai dalam sebuah perarakan yang dipimpin oleh pembawa bendera (*Setungguk*). Beliau segera diikuti oleh seorang lelaki yang membawa ayam (*Manuk*). Kedua-dua lelaki dipilih daripada personaliti berpengaruh di rumah panjang kerana pembawa bendera akan ditugaskan untuk “memotong air” dengan parang Ilang.

Peranan Parang Ilang dalam Adat Pembinaan Rumah Panjang Iban

Menurut informan 9, bagi sesetengah kawasan di Sarawak, sekiranya terdapat sesebuah keluarga yang gagal untuk mendirikan *Bilek* rumah panjang di tapak yang telah dibersihkan oleh ahlinya dan sebaliknya ingin berpindah ke tapak lain, maka ketua keluarga dibenarkan untuk berbuat demikian hanya selepas dia membayar denda. Denda yang dimaksudkan terdiri daripada seekor babi, sebilah parang Ilang untuk meneutralkan pantang *Mali Nyinggah*. Setelah rumah panjang siap dibina, maka Tuai Rumah dan Tuai Burong akan membawa semua keluarga ke rumah panjang baharu. Sebelum bergerak, setiap keluarga mesti membina bahagian dapur terlebih dahulu di rumah panjang baharu itu. Bagi sesiapa yang gagal untuk bergerak ke rumah panjang baru pada hari yang sama dengan penghuni lain, maka mereka juga akan didenda dengan seekor babi dan sebilah parang Ilang. Selain itu, jika terdapat individu di rumah panjang tersebut yang jatuh sakit akibat kecuaian orang lain semasa memasak makanan di dapur, maka penghuni rumah panjang tersebut juga akan didenda dengan seekor babi, sebilah parang Ilang dan satu balang tempayan untuk mengurangkan kesan melanggar pantang larang *Dapur Tungkal*, iaitu penyakit yang tidak boleh diubati dan boleh mengakibatkan kematian secara mengejut.

Parang Ilang dalam Adat *Gawai Antu*

Selain daripada *Gawai Batu*, masyarakat Iban juga meraikan adat *Gawai Antu*. Menurut informan 1, *Gawai Antu* berada pada tahap yang tertinggi berbanding adat *Gawai* yang lain. Bagi masyarakat Iban, *Gawai Antu* merupakan adat *Gawai* yang sangat bermakna dan bertujuan untuk menghormati dan mengingati penghuni rumah panjang yang telah meninggal dunia. Berdasarkan hasil temu bual bersama-sama dengan informan 1, sambutan perayaan bagi adat *Gawai Antu* memerlukan perbelanjaan yang sangat besar. Jumlah tetamu yang dijemput untuk menghadiri upacara tersebut sangat ramai dan melibatkan beberapa buah rumah panjang masyarakat Iban yang lain. *Gawai Antu* dimulakan dengan adat Miring. Selepas adat *Miring* selesai dilakukan, maka penghuni rumah panjang akan menyajikan minuman keras, seperti *Ai Tuak* yang dikenali sebagai *Ngirup Jahung* (air tapai yang dihasilkan dari beras pulut). Sebelum setiap golongan pahlawan (*Bujang Berani*) meminum *Tuak*, mereka akan menarik parang Ilang dari sarungnya lalu “membersihkan” parang dengan air tersebut. Selepas mereka melakukan perkara ini barulah mereka boleh minum arak tersebut, diikuti dengan laungan perang yang menggerunkan.

Peranan Parang Ilang dalam Adat *Miring*

Menurut informan 7, peranan parang Ilang dalam adat Iban juga penting dalam budaya Iban kerana parang Ilang dilihat sebagai objek yang menjadi perantaraan serta medium interaksi masyarakat Iban dengan kewujudan kuasa-kuasa luar biasa di alam alam ghaib. Dalam budaya Iban sepertimana dijelaskan oleh informan 1, parang Ilang merupakan salah satu material budaya penting yang perlu dipersembahkan apabila melakukan adat *Miring* dan *Gawai*. Tambahan pula apabila masyarakat Iban memperlihatkan objek-objek sakral seperti *Pua Kumbu*, parang Ilang dan *Tajau* sebagai simbol penyembahan, objek-objek ini membolehkan mereka berinteraksi dengan kuasa-kuasa luar biasa bagi memohon sesuatu hajat dan restu. Parang Ilang digunakan oleh pakar ritual dalam budaya Iban, seperti *Lemambang*, *Tuai Piring*, *Tuai Beburong* dalam melaksanakan adat *Miring*. Golongan tersebut memainkan peranan utama dan penting dalam mengepalai setiap adat Iban. Semasa *Gawai Burung* atau *Gawai Kenyalang*, golongan pakar adat seperti *Lemambang* akan mengelilingi *Pandong* sebanyak tujuh kali sambil melagukan mantra tertentu atau *Bebiau*. Hal ini dikatakan demikian kerana angka tujuh merujuk tujuh *Petara* yang utama dalam masyarakat Iban. Golongan pakar adat membawa parang Ilang sambil melagukan mantra bagi menguatkan semangat terhadap menyeru dan memuja kuasa-kuasa luar biasa tertentu.

Tambahan pula, parang Ilang juga digunakan semasa adat *Mangkung Tiang* serta adat *Nudok Ka Pandong* di samping parang Ilang tersebut digantung pada *Pandong* tersebut. Informan 2 juga menyatakan bahawa mengikut nenek moyang Iban, pada 1 Jun setiap tahun adat *Miring* sememangnya perlu dilakukan untuk memberi “sajian makanan” dan penyembahan sebagai tanda terima kasih kepada kuasa luar biasa. Tambahan pula, adat *Miring* bukan sahaja dilakukan apabila mendapat petanda tertentu, malah terhadap objek-objek sakral seperti parang Ilang. Hal ini dikatakan demikian kerana objek-objek yang sakral dikatakan mempunyai nyawa, roh dan semangat tertentu yang bertujuan untuk menjaga pemilikinya. Oleh itu, adat *Miring* dilakukan bagi “memberi makan” terhadap objek-objek sakral, seperti parang Ilang bagi mengelakkan “kemarahan” dan malapetaka yang kurang baik berlaku dalam kehidupan masyarakat Iban itu sendiri.

Peranan Parang Ilang dalam Perubatan Tradisional Iban

Menurut informan 7, masyarakat Iban mempunyai cara tersendiri dalam membangunkan sistem perlindungan dan amalan perubatan mereka melalui rawatan alternatif yang berbentuk kaedah tradisional yang sangat dipercayai dan dipraktikkan secara bergenerasi dalam kalangan masyarakat Iban itu sendiri. Misalnya, masyarakat Iban mempercayai

bahawa penyakit tertentu boleh diubati dengan menggunakan parang Ilang yang pernah memenggal kepala pihak musuh semasa tradisi ekspedisi *Ngayau* (memotong kepala manusia).

Menurut Informan 2, masyarakat Iban percaya bahawa parang Ilang yang bertatahkan tembaga dan pernah digunakan untuk Bedengah atau memenggal kepala pihak musuh boleh digunakan untuk mengubati penyakit berbahaya seperti kayap dan gatal. Perkara tersebut dilakukan melalui air sepuhan daripada bilah parang Ilang. Menurut informan 7, perubatan tradisional yang menggunakan parang Ilang oleh *manang* (dukun Iban) memerlukan sumber mimpi. Tambah beliau lagi, mimpi merupakan platform pertemuan antara dua alam, iaitu masyarakat Iban (alam manusia) dengan kuasa-kuasa luar biasa (alam ghaib). Menurut informan 1, dalam kepercayaan warisan Iban, apabila individu bermimpi didatangi oleh kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib, maka mereka dikatakan sangat bertuah kerana hanya yang layak sahaja memperoleh mimpi-mimpi tertentu untuk diberi *pengaroh* (azimat) atau petanda serta arahan tertentu. Manang juga dikatakan individu yang *Mabu Antu* (dekat dengan roh ghaib) dengan kuasa luar biasa dan tidak sama dengan golongan biasa. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka akan sentiasa didatangi oleh ramai pesakit. Tambahan pula, tidak semua penyakit dapat disembuhkan melalui perubatan moden. Oleh itu, kebanyakan penyakit tertentu dapat diubati oleh manang (dukun Iban) yang menggunakan parang Ilang dengan bacaan *Biau* (mantera) tertentu untuk tujuan berubat.

Informan 1 juga menjelaskan bahawa parang ini terhasil daripada gabungan logik dan mistik yang merujuk kekuasaan makhluk ghaib. Hal ini dikatakan demikian kerana parang Ilang juga dimiliki oleh kuasa-kuasa luar biasa. Hal ini dikatakan demikian kerana bilah parang Ilang yang pernah memenggal kepala pihak musuh adalah dikatakan sebagai ‘penyimpan roh *Antu Pala* (roh kepala manusia yang dipenggal) dan juga berupaya menjadi pelindung semangat terhadap pemiliknya. Tambahan pula, terdapat perbezaan antara parang Ilang dengan parang biasa. Lazimnya, bilah parang Ilang disepuh serta dibacakan ayat-ayat suci atau *Biau* mengikut adat Iban dan dipercayai akan senantiasa tajam. Tambahan pula, parang Ilang juga adakalanya perlu diberi *Piring* (sajian makanan khas) pada setiap tahun agar keluarga atau pemilik yang menyimpannya akan memperoleh kebaikan dan menolak kejahatan.

Walaupun kemajuan era globalisasi kian menghimpit kehidupan masyarakat Iban, namun penggunaan parang Ilang dalam perubatan tradisional masih lagi dipraktikkan. Hal ini dikatakan demikian kerana informan 1 menyatakan bahawa masyarakat Iban masih meyakini dan percaya bahawa segala petua, nasihat serta pantang larang oleh nenek moyang mereka terdahulu masih mujarab dan berkesan

dalam sesuatu perkara dan kehidupan yang dijalani. Bagi masyarakat Iban, mereka masih menggunakan dan merujuk *manang* (dukun Iban) bagi kaedah alternatif, iaitu pengubatan tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana dipercayai tidak semua penyakit dapat disembuhkan melalui pengambilan ubat-ubatan moden. Menurut informan 7, bagi sesetengah penyakit terutama yang melibatkan “buatan orang” atau terkena gangguan roh atau badi serta sihir, maka khidmat *manang* atau dukun Iban adalah diperlukan untuk mengubatnya.

KESIMPULAN

Arus pemodenan yang wujud dalam budaya masyarakat Iban telah menyebabkan peranan parang Ilang dalam kebudayaan material Borneo Iban di Sarawak mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Iban mula menyesuaikan peranan parang Ilang dalam keperluan kebudayaan mereka. Sehubungan dengan itu, melalui pendedahan mengenai peranan parang Ilang Iban, kajian ini berupaya membantu mengelakkan berlakunya peminggiran terhadap objek tersebut dalam arus pemodenan. Tambahan pula, peranan parang Ilang sangat penting untuk dihayati bersama agar generasi muda dalam kalangan masyarakat Iban lebih mengenali dan memahami perjuangan hidup nenek moyang mereka terdahulu sebelum kewujudan pemodenan yang dikecap pada hari ini. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat menjadi suatu penghayatan dan rujukan dari semasa ke semasa berkaitan dengan budaya material yang terdapat di Sarawak.

PENGHARGAAN

Kajian ini menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan juga kepada semua pihak yang menyokong kajian ini secara langsung mahupun secara tidak langsung.

SUMBANGAN PENGARANG

Abigail Jelembei Christopher Ajop: Merangka kajian dan menjalankan fasa pengumpulan data kajian; Noria Tugang: Menyelaras dan menilai hasil serta kualiti perolehan data kajian; Adilawati Asri: Menganalisis data kajian dan penulisan makalah; Muiyyar Mukresh: Menilai akauntabiliti terhadap etika dan kualiti kajian akhir.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Adilawati Asri. (2024). Kearifan tradisi seni parang ilang dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Sarawak].
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage.
- Fleming, E.M. (1974). Artifact study: A proposed model. *Winterthur Portfolio*, 9, 153–173.
- Guerreiro, A. (2011). The Iban dairies of Monica Freeman 1949-1951. Including ethnographical drawings, sketches, paintings, photographs and letters, Lura P. Appell-Warren (Ed.). *Philipps: Borneo Research Council*, 11(17), 178–180.
- Hafizzhal Bukhary Borhan, & Nur Aira Abd Rahim. (2024). Pengumpulan data di kalangan komuniti Orang Asli: Menelusuri Denai Jayapada. *Internatonal Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 14(12).
- Kader, T. (2003). Material cultural studies and art education: Connecting artefacts with making art. *Art Education*, 56(5), 19–23.
- Heppel, M. (2014). The seductive warp thread: An evolutionary history of Ibanic weaving. *Borneo Research Council*, 45, 106–117.
- Kamarul Azmi Jasmi, Azri & Ashrof. (2024). Metodologi kualitatif bagi pengkajian manuskrip perubatan Melayu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9(65), 320–331.
- Keai, G. K., & Noria Tugang. (2020). Artifak budaya masyarakat Iban: Warisan dan pusaka. *Jurnal Kinabalu*, 26, 59–59. <https://doi.org/10.51200/ejk.v26i1.2261>
- Keai, G. K. (2021). Inspirasi alam dalam artifak budaya masyarakat Iban di Sarawak: *Jurnal Sains Insani*, 6(3). <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no3.332>
- Keai, G. K., (2023). Faktor dan kemunduran artifak budaya dalam masyarakat Iban di Sarawak. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 15(1). 67–79. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.1.6.2023>

- King, V. T. (2012). *Culture and identity: Some Borneo comparisons*. Institute of Asian Studies, Universiti Brunei Darussalam.
- King, V. T. (2017). Borneo and beyond: Reflections on Borneo studies, anthropology and the social sciences. Dlm. Victor T. King, Zawawi Ibrahim, & Noor Hasharina Hassan (Eds.), *Borneo studies in history, society and culture*, hlm. 57–78. Universiti Brunei Darussalam, Institute of Asian Studies, & Springer Publications.
- Malterud, K. (2001). Qualitative research: Standards, challenges, and guideliness. *The Lancet*, 358, 483–488. [http://dx.doi.org/10.1016/S0140-6736\(01\)05627-6](http://dx.doi.org/10.1016/S0140-6736(01)05627-6).
- Moleong. (2006) . *Metodologi penelitian kualitatif*. Remaja Rosdakarya.
- Noria Tugang & Keai, G. K. (2022). The adaptation of nature in cultural artefact. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*, 7(1), <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4133>
- Pearce, S. (2017). *Museums, objects, and collections: A cultural study*. Smithsonian Institution.
- Postil, John. (2017). The diachronic ethnography of Media: From social changing to actual social changes. *Moment Journal*. 4. 19–43. 10.17572/mj2017.1.1943.
- Prown, J. D. (1982). Mind in matter: An introduction to material culture theory and method. *Winterhur Portfolio*, 17(1), 1–9.
- Rockliffe, L., Stearns, S., & Forster, A.S. (2020). A qualitative exploration of using financial incentives to improve vaccination uptake via consent form return in female adolescents in London. *PLoS ONE*, 15(8), 0237805. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0237805>
- Faridah Sahari, Rahah Hasan, Lucas, T., Nur Farziana Angat, & Zahraa Farhana Hasbi. (2020). Material culture: A digital documentation of the art and culture of the Saribas Malay, Sarawak. *Akademika*, 90(2), 115–116.
- Sellato, B. (2016). Recent material culture studies on Borneo. *Moussons Recherche En Science Humanies Sur L'asie Du Su-Est*, 5(27), 163–172.
- Sellato, B. (2017). *Material cultural studies and ethnocultural identity*. Dlm. Victor T. King, Zawawi Ibrahim, & Noor Hasharina Hassan (Eds.), *Borneo studies in history, society and culture* (hlm. 57–78). Universiti Brunei Darussalam, Institute of Asian Studies, & Springer Publications.
- Sellato, B. (2019). *The other tiger: History, beliefs, and rituals in Borneo*. Institute of Southeast Asian Studies (Yusof Ishak Institute).